

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK]

TARIKH : 30 NOVEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan apakah tindakan Kementerian untuk memastikan bekalan makanan rakyat mencukupi khususnya pada tempoh pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan gelombang ketiga COVID-19 khususnya di kalangan para petani, penternak dan nelayan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mempunyai peranan yang sangat penting dalam memastikan bekalan makanan bagi rakyat khususnya di kalangan para petani, penternak dan nelayan adalah mencukupi bukan sahaja pada tempoh pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) atau gelombang ketiga COVID-19 malahan dalam apa juu keadaan.
2. Antara tindakan yang diambil oleh MAFI untuk memastikan bekalan makanan rakyat mencukupi adalah termasuk:
 - (i) Meningkatkan stok penimbang beras (stokpail) bagi memastikan bekalan beras sentiasa terjamin di mana BERNAS menyimpan dan

SOALAN NO : 17

mengurus stokpail sedia ada iaitu sebanyak 150,000 tan metrik. Dalam hubungan ini, BERNAS telah diminta untuk menambah jumlah stokpail sebanyak 140,000 tan metrik menjadikan keseluruhan stokpail berjumlah 290,000 tan metrik;

- (ii) Meningkatkan bekalan beras daripada pelbagai sumber import daripada negara luar seperti Pakistan dan India;
- (iii) Merancakkan aktiviti pengeluaran makanan dan meningkatkan produktiviti dengan pemberian subsidi / insentif input dan penyediaan khidmat nasihat teknikal;
- (iv) Menyediakan prasarana, kemudahan logistik dan pengangkutan bagi membantu aktiviti pengumpulan hasil dan pemasaran seperti pasar tani dan nelayan, pusat pengumpulan dan pengedaran serta lori sejuk beku;
- (v) Memastikan kesinambungan pengeluaran melalui *Buy Back Scheme* bagi memastikan beberapa bahan makanan terpilih mempunyai bekalan yang terjamin dengan harga yang berpatutan kepada pengguna; dan
- (vi) Memperluas akses pasaran pengusaha tani melalui outlet pemasaran seperti pasar tani, pasar nelayan, Agrobazaar dan MyFarmOutlet serta menggalakkan penyertaan usahawan dalam platform e-dagang seperti Agrobazaar Online, NEKMATBIZ dan platform kerjasama strategik dengan pihak swasta seperti Lazada dan Shopee.

Sekian, terima kasih.